

TARIKH	RABU, 28 SEPTEMBER 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	LARANGAN MEROKOK DI PEJABAT TINGKAT PRODUKTIVITI KERJA
M/S	9
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Larangan merokok di pejabat tingkat produktiviti kerja

Sepang: Kawasan larangan merokok yang diwujudkan AirAsia Malaysia di ibu pejabatnya di sini, bukan sahaja berjaya menerapkan nilai membudayakan amalan sihat dalam kalangan kakitangannya, malah membantu meningkatkan produktiviti kerja.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia, Riad Asmat, berkata apa yang dilakukan pihaknya adalah mengisytiharkan larangan merokok termasuk menghisap vape dalam radius 500 meter dari ibu pejabat, termasuk membabitkan semua pejabat firma itu di seluruh Asia Tenggara, berkuat kuasa 1 Oktober 2019.

Beliau berkata, larangan sama turut merangkumi pelawat. Tambahnya, syarikat juga memutuskan untuk berhenti menjual rokok bebas cukai dalam perkhidmatan penerbangan kelolaan organisasi itu.

"Apabila kami mula berpindah ke ibu pejabat di RedQ yang dilengkapi dengan pelbagai kemu-

dahan, perkara pertama kami buat adalah tidak membenarkan kedai serbaneka di pejabat kami untuk menjual rokok sejak 2017.

"Pejabat yang bebas rokok mengurangkan risiko kanser paru-paru, penyakit jantung, strok dan penyakit lain dalam kalangan kakitangan.

"Apabila tidak merokok, ia membuatkan mereka mempunyai lebih banyak tenaga, boleh fokus dengan lebih baik dan mungkin dapat mengurangkan cuti sakit, sekali gus menjadikan mereka lebih produktif dan akhirnya menyumbang ke arah kecekapan kos secara menyeluruh kepada syarikat," katanya kepada pemberita, kelmarin.

Bantuan henti merokok

Riad turut menzahirkan penghargaan kepada kakitangan AirAsia Malaysia kerana ada dalam kalangan mereka secara sukarela mematuhi dasar dirangka syarikat, dalam usaha mewujudkan

persekitaran sihat dalam premis berkenaan.

Bagi yang masih merokok, beliau berkata, terdapat bantuan disediakan untuk berhenti merokok dan mereka hanya perlu menghubungi Pasukan Kemudahan dan Kesejahteraan syarikat yang akan memberikan sokongan diperlukan.

"Kami memberikan garis panduan yang jelas kepada kakitangan mengenai inisiatif bebas rokok. Pada masa sama, kami anjurkan program untuk menguar-uarkan mengenai inisiatif berkenaan seperti ceramah atau kempen kesedaran berhenti merokok oleh doktor atau profesional bertauliah di seluruh negara.

"Sebagai peringatan, kami turut memasang papan tanda dan skrin besar yang memaparkan mengenai larangan merokok selain terdapat pengumuman dibuat di premis pejabat untuk menggalakkan kakitangan supaya tidak merokok semasa waktu



Riad bersama sijil penghargaan premis bebas rokok yang diiktiraf Kementerian Kesihatan (KKM) di RedQ AirAsia, Sepang.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

bekerja," katanya.

Sambil berharap banyak lagi entiti lain dapat menerapkan amalan sama di tempat kerja masing-masing, beliau berkata, langkah itu mustahak untuk membantu kakitangan menjalani kehidupan lebih sihat dan sejahtera.

Dengan itu, Riad berkata, pihaknya menyokong usaha kerajaan mengawal produk tembakau dan melaksanakan Generasi Penamat (GEG) kerana ia akan melahirkan generasi muda lebih cergas dan cerdas, selain membentuk modal insan lebih cekap.

DISEDIAKAN OLEH	1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	---